

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

**NO. SEBUTHARGA** : JPS / M / SH / P / AG / 02 / 2025  
**TAJUK** : **KERJA-KERJA PEMULIHAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR DURIAN DAUN SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN AKIBAT BANJIR DI DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA.**

1. Sebutharga dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB (**Surat Kebenaran Khas dari CIDB tidak dibenarkan**) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang beralamat di **NEGERI MELAKA SAHAJA** dalam Gred dan Kategori/Pengkhususan berikut :

<u>Gred</u>	<u>Kategori/Pengkhususan</u>
<b>G3</b>	<b>CE 21</b>

2. Permohonan dokumen Sebutharga adalah secara Atas Talian (Online). Segala Urusan Tawaran, Pembelian dan Keterangan lanjut HANYA boleh dimuat turun dari **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>.
3. Pihak Syarikat perlu melengkapkan akaun serta langganan di **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)** dengan caj langganan RM50.00 setahun dan seterusnya membuat pembelian dokumen sebutharga secara atas talian dengan harga RM50.00 bermula **22 April 2025 (SELASA) BERMULA JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 29 APRIL 2025 (SELASA) SEBELUM JAM 10.00 PAGI**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi selekapnya.
4. Taklimat sebutharga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya **kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan untuk melanggan dokumen Sebutharga**. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **17 APRIL 2025 (KHAMIS) jam 11.00 Pagi berkumpul di HADAPAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR DURIAN DAUN, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA.(2.351358, 102.123388)**
5. **Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akaun Pendaftaran sahaja boleh menghadiri taklimat sebutharga.**
6. **Penyebut harga diwajibkan menyediakan kaedah kerja (method of statement) bagi kerja-kerja yang akan dilaksanakan di tapak bersama Dokumen Sebutharga.**
7. Sebutharga ini akan ditutup pada **29 APRIL 2025 (SELASA)**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di pejabat **Jabatan Pengairan & Saliran Melaka, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, Aras 3, Wisma Negeri, 75450 Ayer Keroh, Melaka** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.

Sebarang pertanyaan dan penerangan lengkap tentang sebutharga pihak kontraktor boleh berhubung dengan pegawai yang bertanggungjawab iaitu:

KETUA DAERAH : EN. MOHD RADHI BIN MD JANI (019-304 8891)  
PENOLONG JURUTERA : EN. SAIFUL NIZAM BIN MAHAT (012-662 0379)

Saya yang menjalankan amanah,

( **MOHAMAD RAZALI BIN MOHD NAZRI** )  
Timbalan Pengarah (Operasi)  
Jabatan Pengairan dan Saliran, Melaka.

21/04/2025